

Teori Difusi Inovasi: Teknologi Media dan Kesan terhadap Golongan Wartawan di Malaysia

NOR ATHIRA NAJWA ROSLI

NORMAHFUZAH AHMAD

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kemajuan teknologi telah membawa banyak kelebihan kepada peningkatan dunia kewartawanan. Inovasi utama seperti pengenalan media sosial dalam pengeluaran berita telah memberi kelebihan dan kekurangan kepada wartawan di bilik berita. Kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh wartawan Malaysia semasa mereka menerima perubahan teknologi dalam tugasannya harian mereka. Ia juga bertujuan membincangkan penyesuaian kepada teknologi yang diterapkan oleh wartawan Malaysia semasa menjalankan tugas. Kajian ini mengambil pendekatan kualitatif melalui persampelan bukan kebarangkalian di mana lapan wartawan dari pelbagai organisasi berita dipilih untuk temu bual mendalam. Penemuan untuk objektif pertama kajian mencadangkan dua faktor yang saling berkait dihadapi oleh wartawan di Malaysia apabila mereka menerima pakai inovasi baharu. Pertama ialah kewujudan wartawan warga dan kedua ialah penyebaran berita palsu yang dibantu oleh kemudahan media sosial. Sementara itu, penemuan objektif kedua mencadangkan variasi kepada penyesuaian penggunaan teknologi di kalangan wartawan Malaysia antara wartawan yang lebih berpengalaman dan rakan sejawat yang kurang berpengalaman. Perubahan pemikiran, penguasaan kemahiran digital dan penulisan berkualiti adalah tiga faktor yang ditemui bagi penyesuaian penggunaan teknologi oleh wartawan. Memandangkan kajian ini menggunakan pakai *Diffusion of Innovation* (DOI) sebagai kerangka teori, penemuan mencadangkan bahawa wartawan yang lebih berpengalaman mungkin berada di bawah kategori *late majority* atau *laggards*, manakala beberapa faktor yang mempengaruhi penerimaan inovasi yang dikenal pasti dalam teori DOI terpakai kepada wartawan yang kurang berpengalaman dan lebih muda di Malaysia. Oleh itu, kajian ini menekankan keperluan untuk laporan yang berkualiti dan beretika sebagai keutamaan dalam penerimaan kewartawanan terhadap inovasi teknologi.

Kata kunci: *Penerimaan teknologi, kewartawanan warganegara, media sosial, berita palsu, Teori Difusi Inovasi.*

Challenges and Adoption of New Technologies Among Malaysian Journalists

ABSTRACT

Technological advancements have brought many advantages to the enhancement of journalism. Major innovations such as the introduction of social media into news production have had advantages and disadvantages for journalists in newsrooms. This study identifies the challenges faced by Malaysian journalists as they adapt to technological change in their daily tasks. Further, it discusses ways in which these adoptions are being applied by Malaysian journalists. It takes on a qualitative approach through non-probability sampling in which eight journalists from various news organisations were chosen for in-depth interviews. Findings for the study's first objective suggest intertwining factors that journalists face as they adapt to new innovations. Firstly, the existence of citizen journalists and secondly the rise of fake news aided by affordances brought forth by social media.

*Corresponding author: normahfuzah@uum.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2024-4003-17>

Meanwhile, findings for the second objective suggest variations in the adoption of technology among Malaysian journalists between the more experienced journalists and their comparatively less experienced counterparts. Change of thinking, mastery of digital skills and quality writing are three factors for adapting technology use. Since this study adopts the Diffusion of Innovation (DOI) as its theoretical framework, findings suggest while the more experienced journalists may fall under the 'late majority' or 'laggards' category, several influential factors to the adoption of innovation identified within the DOI theory are applicable to the less experienced and younger journalists in Malaysia. This study emphasised the need for quality and ethical reporting as a priority in the journalistic adoption of technological innovation.

Keywords: *Technological adoption, citizen journalism, social media, fake news, Diffusion of Innovation Theory.*

PENGENALAN

Teknologi baharu atau media baru merujuk kepada teknologi maklumat dan komunikasi yang dimediasi secara digital dan boleh diakses dalam talian secara meluas. Teknologi baharu dilihat sebagai pemangkin utama untuk perubahan sosial digital kerana ia menyediakan peluang untuk komunikasi global (Li, 2019). Kemunculan teknologi baharu telah mengubah cara kerja wartawan di seluruh dunia (Hamzah & Esa, 2020). Dengan perkembangan teknologi seperti Internet menyebabkan orang ramai mengetahui tentang sesuatu perkara yang berlaku tanpa berada di tempat kejadian (Milkessa, 2019). Melalui Internet, wartawan boleh berkongsi berita di seluruh dunia. Selain itu, seorang wartawan boleh melakukan kerja dengan lebih mudah tanpa mengira tempat dan masa. Teknologi baharu yang sangat interaktif dan fleksibel diperlukan untuk penghasilan semua kandungan berita dalam era digital (Hamzah & Esa, 2020).

Pada era globalisasi ini, peningkatan penggunaan teknologi baharu telah memberi kesan yang mendalam terhadap industri kewartawanan. Sebelum ini, seorang wartawan dikehendaki turun ke lokasi kejadian dan kembali ke bilik berita secepat mungkin selepas menjalankan temu bual bagi mengalahkan wartawan lain untuk menyiaran berita tersebut. Namun kini, dengan pengenalan era digital, kedudukan wartawan sudah kian berubah. Dengan adanya teknologi maklumat dan komunikasi seperti Internet dan media sosial, wartawan boleh melaporkan sesuatu berita dengan lebih pantas tanpa kembali ke bilik berita. Namun, menurut Ahmad (2017), penerbit berita sentiasa dicabar untuk menyediakan berita tergempar sebaik sahaja ia berlaku dan melalui kewujudan media sosial yang bertindak sebagai platform untuk penyebaran berita. Cabaran untuk penyampaian berita pantas menjadi faktor yang lebih penting berbanding sebelum ini.

Pada masa ini, Facebook mempunyai 2.9 bilion pengguna aktif setiap bulan (Dixon, 2022). Platform media sosial yang lain seperti TikTok, Instagram dan Twitter juga popular digunakan oleh khalayak ramai. Media sedia ada harus membuat kehadiran mereka dirasai dalam talian (Omar, 2017). Menurut Reid (2013), jika wartawan boleh mencari kata kunci yang telah di *geotag* di sekitar berita tergempar, mereka boleh mencari sumber dengan cepat. Ini menunjukkan bahawa media sosial ialah cara baharu untuk menjangkau orang ramai dan menjadi sebahagian daripada cara berita dikumpul dan diproses. Penggunaan alat rangkaian media sosial memudahkan tugas wartawan. Menurut Blankenship (2015), keupayaan seorang wartawan menggabungkan teks, imej, bunyi, video dan apa jenis maklumat dengan lancar menjadikan penyusunan dan pembentangan berita di media sosial lebih menarik untuk pengguna media sosial. Namun, terdapat juga golongan wartawan yang masih memerlukan latihan melaporkan mengikut digitalisasi seperti mempelajari cara menggunakan alat

rangkaian media sosial dengan efektif. Ini antara cabaran yang dihadapi oleh industri kewartawanan secara keseluruhannya.

Kemunculan Internet dan media sosial telah mengubah cara wartawan melakukan tugas mereka dari aspek penghasilan dan penyebaran berita. Walaupun media sosial membantu menyebarkan maklumat dalam beberapa cara, terdapat juga kebimbangan tentang cara ia mempengaruhi produktiviti dan menghalang wartawan daripada melakukan tugas harian. Menurut Tandoc & Maitra (2017), Facebook telah menjadi sebahagian besar kerja kewartawanan, seperti membuat dan mengedarkan berita. Ia memberi impak besar kepada penerbit berita dan membawa cara baharu ke dalam bilik berita yang belum pernah dilihat sebelum ini.

Dengan landskap media yang berubah-ubah, wartawan menghadapi halangan yang berterusan, terutamanya menyesuaikan diri dengan keperluan baharu membuat berita pada platform digital (Hamzah & Esa, 2020). Kemunculan teknologi berasaskan Internet dilihat telah mengubah lanskap pembangunan negara daripada pelbagai aspek terutamanya kepada pembangunan industri media. Menurut Quinn (2017), ramai memutuskan untuk mendapatkan berita daripada aplikasi yang ada pada telefon mereka kerana ianya mudah dibaca. Dengan melayari laman web berita mudah alih, aplikasi berita mudah alih atau log masuk ke perkhidmatan media sosial seperti Twitter dan Facebook, pengguna boleh mendapatkan kandungan berita dengan mudah pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (Shim et al., 2015). Wartawan akan menghadapi kesukaran untuk menyediakan berita sekiranya mereka tidak peka dengan peredaran teknologi ini. Oleh itu, wartawan masa kini perlu bergerak seiring dengan teknologi dan melengkapkan diri dengan kepakaran yang bersesuaian bagi menghadapi cabaran lebih besar di era digitalisasi.

Bahagian ini telah menggariskan beberapa cabaran yang dihadapi oleh wartawan dengan perubahan teknologi. Kajian mengenai penggunaan teknologi baharu dalam kalangan kewartawanan yang ditemui kebanyakannya dijalankan di negara barat seperti kajian oleh Broersma & Graham (2013) dan Pantic & Cvetkovic (2020) serta banyak lagi. Lebih kajian dari perspektif lain diperlukan untuk memahami dengan lebih mendalam isu-isu yang dihadapi dalam dunia digitalisasi kewartawanan. Walaupun terdapat kajian mengenai isu kewartawanan yang telah dilakukan di Malaysia oleh Nuurianti Jalli (2020) berkaitan kewartawanan warga, dan oleh Siti Suriani Othman (2023) berkaitan penggunaan kandungan yang dihasilkan pengguna (*user generated content*) di bilik berita, lebih banyak kajian diperlukan untuk menambah pemahaman berkaitan isu yang dihadapi wartawan di negara masing-masing. Tambahan pula, setiap media organisasi di dalam sesebuah negara mempunyai budaya pemberitaan yang berbeza antara satu sama lain dan antara dalam dan luar negeri yang menyebabkan isu atau cabaran yang dihadapi wartawan serta organisasi media tersebut unik. Oleh itu kajian ini ingin mengetahui cabaran yang dihadapi wartawan di Malaysia akibat perombakan teknologi baharu. Kajian ini juga ingin menganalisis bagaimana wartawan di Malaysia menyesuaikan diri dalam penggunaan teknologi baharu semasa menjalankan tugas harian.

TINJAUAN LITERATUR

Media dalam talian telah meninggalkan kesan ke atas evolusi pelbagai aspek penghantaran dan perolehan berita dengan adanya ‘kewartawanan warga’. Istilah ‘kewartawanan warga’ adalah istilah yang digunakan dalam industri media untuk menggambarkan aktiviti kewartawanan yang dilakukan oleh orang biasa. Individu yang tidak mempunyai hubungan

berita-media telah menerbitkan cerita menggunakan kandungan mereka sendiri melalui teknologi pengkomputeran sosial (Miller, 2019). Ianya juga dikenali dengan beberapa nama lain seperti ‘kewartawanan awam’, ‘kewartawanan sivik’, ‘kewartawanan solo’, ‘kewartawanan rangkaian’, ‘kewartawanan sumber terbuka’, ‘kewartawanan kolaboratif’, ‘kewartawanan akar umbi’ dan ‘kewartawanan masyarakat’ (Noor, 2016). Kewujudan wartawan warga menjadi persaingan kepada wartawan di bilik berita untuk penghasilan berita berkualiti serta sahih. Ramai daripada individu ini percaya bahawa mereka mempunyai pendekatan yang lebih baik dengan masyarakat iaitu dengan merakam detik bersejarah dan orang penting secara langsung dan dengan merangsang perbualan dan tindakan terhadap subjek yang sering diabaikan oleh media berita (Mortensen et al., 2015). Sesetengah wartawan dalam industri bersusah payah untuk membezakan amalan profesional mereka, manakala sesetengah ‘wartawan warga’ pula, memberikan apa yang mereka peroleh dengan serta merta tanpa perlu ditapis terlebih dahulu. Oleh itu, walaupun ‘wartawan warga’ dapat memberikan perspektif berbeza dari media arus perdana, kewujudan mereka ditambah dengan penyebaran maklumat melalui media sosial menyebabkan kemungkinan peningkatan penyebaran berita palsu.

Dewasa ini, amalan kewartawanan telah dibentuk semula dengan kemunculan platform digital baharu, menghasilkan mod komunikasi baharu dan jangkauan global yang lebih luas berbanding sebelum ini dalam sejarah manusia. Kemunculan teknologi baharu ini mampu memberi nilai tambah yang positif di dalam dunia kewartawanan. Namun begitu, penyebaran ‘misinformation’ (perkongsian maklumat palsu secara tidak sengaja) dan ‘disinformation’ (penciptaan dan perkongsian maklumat secara sengaja yang diketahui palsu), yang lebih dikenali sebagai berita palsu (*fake news*) semakin mendapat momentum, dan ini memberi kesan kepada cara orang memahami dan bertindak balas terhadap perkara yang berlaku di dunia (West, 2017). Menurut Wardle (2017), terdapat tujuh kategori berbeza mengenai kandungan berbahaya yang wujud dalam ekosistem digital hari ini. Tujuh kategori kandungan berbahaya tersebut adalah: ‘satire or parody’ iaitu tanpa niat jahat tetapi berpotensi untuk menipu, ‘misleading content’ merujuk kepada pembingkaian isu atau individu menggunakan maklumat palsu, ‘imposter content’ merujuk kepada sumber yang dipercayai boleh ditiru, ‘fabricated content’ merujuk kandungan baharu yang benar-benar palsu dan bertujuan untuk menipu dan membahayakan, ‘false connection’ merujuk kepada tajuk, visual atau kapsyen tidak melengkapkan kandungan, ‘false content’ merujuk kepada kandungan yang sah dikongsi bersama dengan maklumat kontekstual yang mengelirukan dan ‘manipulated content’ merujuk kepada maklumat atau imej sebenar ditukar untuk menipu. Penghantaran berita palsu atau maklumat palsu yang berterusan menjadi penentuan kesahihan kandungan digital sebagai topik perbincangan yang penting, bukan sahaja dalam industri berita tetapi dalam masyarakat amnya (Figueira & Oliveira, 2017).

Aplikasi media sosial dibezakan bukan sahaja oleh penggunaan yang besar, tetapi juga oleh keupayaannya untuk memudahkan pertukaran dan penyebaran maklumat yang pantas malah, ianya juga memudahkan penyebaran maklumat yang tidak betul, seperti berita palsu (Tandoc et al., 2017). Selain itu, terdapat ratusan laman web berita palsu di Internet, termasuk laman web yang sengaja meniru akhbar sebenar dan laman web yang melintasi batas antara sindiran dan kepalsuan yang jelas (BBC, 2016). Hal ini menyebabkan penyebaran berita palsu mungkin sukar dikawal. Tambahan lagi, Internet bukanlah sesuatu yang mudah untuk dikawal dan apabila ada pihak menyalahgunakan kemudahannya, tiada tindakan keras yang diambil untuk menyekat perkara tersebut daripada terus berlaku (Narwal, 2018). Akibatnya, ramai

orang tidak mempercayai sumber berita yang sebenar serta tidak dapat membezakan antara berita sahih dan berita palsu (Waldrop, 2017).

Media sosial ditakrifkan sebagai platform berasaskan Internet yang membolehkan pengguna mencipta dan berkongsi kandungan dengan orang lain dalam komuniti rangkaian (Burns, 2017). Kewujudan media sosial yang bertindak sebagai platform untuk penyebaran berita menambah cabaran untuk keperluan penyampaian berita pantas berbanding dahulu (Ahmad, 2017). Ianya merupakan cara yang paling mudah dan cepat untuk mengetahui tentang hal semasa di seluruh dunia. Oleh yang demikian, penggunaan platform media sosial menjadi asas kepada amalan kewartawanan (Pantic & Cvetkovic, 2020). Pada dasarnya, kewartawanan ialah amalan mengumpul maklumat dan menyebarkannya kepada orang ramai melalui media cetak, penyiaran atau digital (Milkessa, 2019). Dahulu wartawan perlu turun padang untuk mendapatkan berita tetapi kini dengan pengenalan media sosial, berita disampaikan kepada wartawan melalui platform media sosial seperti Facebook, Twitter dan juga YouTube. Disebabkan hal ini, wartawan mungkin menjadi pihak kedua atau ketiga yang menerima berita tersebut kerana lambakan berita di pelbagai platform termasuk dari ‘wartawan warga’. Oleh yang demikian, wartawan harus peka dan perlu menggunakan maklumat yang didapati dan mengenalpasti kesahihan maklumat tersebut sebelum menyiarkannya sebagai berita. Dapat disimpulkan bahawa kemunculan ‘wartawan warga’, penyebaran berita palsu dan penggunaan media sosial di kalangan wartawan adalah tiga cabaran yang saling berhubungkait yang dihadapi oleh wartawan dewasa ini akibat perubahan teknologi.

Kewartawanan tradisional telah diambil alih oleh kewartawanan digital (Wong, 2019). Wartawan yang bekerja dalam era kewartawanan tradisional diklasifikasikan sebagai ‘wartawan lama’ kerana mereka menyampaikan berita dan maklumat kepada masyarakat umum dengan hanya menggunakan media konvensional seperti akhbar, televisyen serta radio (Pereira, 2019). Golongan ini kurang pendedahan dan kemahiran dengan teknologi digital seperti media sosial, portal berita, blog dan sebagainya untuk diguna pakai sewaktu bertugas. Istilah ‘kewartawanan digital’ pula merujuk kepada kewartawanan penghasilan berita dan bahan yang disertakan dengan menggunakan media digital (Christensen, 2022). Menurut Pereira (2019), era kewartawanan digital secara amnya mengambil pekerja yang lebih muda sejak beberapa tahun lalu. Terdapat sejumlah besar golongan muda yang bekerja dalam bidang kewartawanan masa ini, dan lebih ramai lagi bekerja dalam media digital. Antara rutin wartawan media digital ialah interaktiviti dan kemahiran teknikal. Landskap kewartawanan sentiasa berubah akibat pengenalan teknologi dan medium baharu, yang mentakrifkan semula hubungan yang wujud antara media berita dan khalayak umum. Kaedah pengajaran kewartawanan perlu dikaji semula mengikut kesesuaian teknologi masa kini. Pada tahun 2016, Biro Statistik Buruh Amerika menjangkakan bahawa kedua-dua pekerjaan pelaporan dan editorial akhbar akan berkurangan sebanyak empat puluh peratus dalam tempoh sepuluh tahun, dan penerbitan kecil di seluruh Amerika Syarikat akan ditutup atau dikurangkan operasi hampir setiap hari (Maryville University, 2016). Situasi ini bukanlah asing di dalam dunia kewartawanan dimana banyak organisasi berita yang telah ditutup akibat tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehendak semasa di era pendigitalan. Terdapat pelbagai kajian terdahulu yang mengkaji adaptasi teknologi di dalam dunia kewartawanan dengan menggunakan teori ‘Diffusion of Innovation’ (DOI). Teori DOI menjelaskan bagaimana, mengapa, dan pada kadar apa idea dan teknologi baharu tersebar (Atkin et al., 2015). Rogers (2003) mendefinisikan penyebaran sebagai proses di mana sesuatu inovasi dikomunikasikan

melalui saluran tertentu dari semasa ke semasa di kalangan ahli sistem sosial. Menurut Rogers, idea dan teknologi baharu dari semasa ke semasa dan teknologi ini mempunyai dua kebarangkalian iaitu samada ia di terima pakai atau ditolak. Kajian “How Age Affects Journalists’ Adoption of Social Media as an Innovation” (Wu, 2018), mengaplikasikan teori DOI untuk mengetahui perspektif wartawan terhadap media sosial dan bagaimana media sosial mengubah proses pengeluaran berita. Kajian terdahulu menggunakan pendekatan teori yang sama untuk mengkaji penggunaan video dalam pemberitaan oleh organisasi media (Bock et al., 2023). Teori DOI juga penting dalam mengkaji kewartawanan digital dari pelbagai peringkat (Stanislavivna, 2019). Teori ini adalah satu pendekatan untuk memahami bagaimana ahli sistem sosial boleh menerima pakai sesuatu inovasi melalui ciri-ciri tertentu dalam inovasi itu sendiri (Musa et al., 2015). Oleh itu, teori DOI sesuai dengan skop kajian ini yang ingin menjawab dua persoalan kajian iaitu:

1. Apakah cabaran yang dihadapi wartawan akibat daripada percambahan teknologi baharu?
2. Bagaimanakah wartawan di Malaysia menyesuaikan diri dalam penggunaan teknologi baharu semasa menjalankan tugas?

KAEDAH KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif merujuk kepada pengumpulan dan analisis data bukan berangka, yang digunakan untuk memahami kepercayaan, pengalaman, sikap, tingkah laku, dan interaksi (James, 2022). Semua metodologi kualitatif menyumbang kepada penerangan dan tafsiran fenomena kompleks, membangun dan menyemak semula pemahaman tentang sesuatu isu, dan bukannya mengesahkan kesimpulan awal teori semata-mata (Vaismoradi et al., 2016).

Para pengkaji terlibat secara langsung sepanjang proses kajian seperti mendengar, merekod dan mencatat informasi yang diberikan. Selain itu, pengkaji ingin mengetahui cabaran dan bagaimana wartawan di Malaysia menerima pakai dan menyesuaikan diri dalam penggunaan teknologi baharu, maka populasi yang terlibat adalah para wartawan di Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan bertujuan adalah sejenis persampelan di mana pengkaji memilih siapa untuk dimasukkan ke dalam sampel berdasarkan beberapa kriteria yang sesuai. Antara kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji untuk menyempurnakan kajian ini adalah seperti pengetahuan mereka tentang topik kajian, mewakili media utama dan juga media alternatif, mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya tiga tahun serta keupayaan dan kesediaan mereka untuk mengambil bahagian dalam kajian ini.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah temu bual mendalam. Temu bual mendalam telah dilakukan bersama wartawan daripada pelbagai media organisasi yang mewakili media utama dan juga media alternatif di Malaysia bagi mendapatkan data dan mengumpulkan maklumat berkaitan. Kajian yang menggunakan kaedah temu bual mendalam sebelum ini menggunakan jumlah bilangan responden yang kecil (Li, 2019; Milkessa, 2019; Hamzah & Esa, 2020). Dalam kajian ini, tempoh masa yang diambil untuk pengkaji ketika menjalankan temu bual adalah sekitar 35 minit sehingga 1 jam 15 minit. Ini bergantung kepada responden yang terlibat dalam menjawab soalan yang diajukan oleh pengkaji. Temu bual dijalankan secara maya melalui perbualan suara dan panggilan di WhatsApp. Mengendalikan temu bual secara maya boleh menjadi lebih fleksibel dari segi masa dan lokasi dan lebih mudah untuk semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

Kajian ini menggunakan kaedah analisis data iaitu analisis tematik. Analisis tematik mengkategorikan data di dalam beberapa kategori secara sistematik. Kategori ialah produk utama proses analisis, berbentuk deskriptif dan digunakan terutamanya pada permulaan proses pembangunan tema untuk mengklasifikasikan penemuan (Vaismoradi et al., 2016). Dalam kajian ini, para pengkaji meneliti data yang diperoleh, mencatat segala maklumat dan kemudian mengkategorikannya. Analisis tematik ini direka sebagai kaedah analitik data untuk membantu pengkaji mengubah analisis mereka daripada pembacaan luas data kepada mengesan corak, kata kunci dan mewujudkan tema.

PROFIL SUMBER

Rajah 1: Profil sumber

Informan	Umur	Peranan	Pengalaman
1	27	Wartawan	7 tahun
2	43	Wartawan/Penulis pakar	20 tahun
3	30	Wartawan penyiaran	7 tahun
4	44	Ketua editor	21 tahun
5	32	Wartawan	10 tahun
6	42	Pengurus bilik berita	17 tahun
7	36	Penerbit	13 tahun
8	28	Wartawan	6 tahun

HASIL KAJIAN

Dapatan kajian terbahagi kepada dua bahagian dimana bahagian pertama menjawab persoalan kajian berkaitan dengan cabaran yang dihadapi wartawan di Malaysia akibat percambahan teknologi baru. Terdapat dua cabaran utama yang dikenalpasti iaitu kemunculan wartawan warga (*citizen journalist*) dan penyebaran berita palsu yang telah dibantu oleh kemudahan media sosial.

Kemunculan Wartawan Warga

Individu yang dahulunya dikenali sebagai penonton yang kini terlibat secara aktif dalam proses kewartawanan sendiri adalah penggerak di sebalik kewartawanan warga. Golongan ini bukan lagi sekadar penerima mesej media yang pasif tetapi sebaliknya terlibat secara aktif untuk menyampaikan maklumat dengan apa yang mereka baca, dengar dan lihat. Menurut seorang wartawan dari The Malaya Post:

Sebenarnya yang jadi ‘citizen journalism’ ni masyarakat kita yang memang sangat suka mengambil tahu dan mereka nak cuba untuk berkongsi apa yang dia tahu atau dia nampak ni untuk hebahan ramai (Informan 4, Ketua Editor).

Kemunculan kewartawanan warga ini dilihat mempunyai kebaikan yang tersendiri iaitu turut memberi sumbangan dan kemudahan kepada wartawan. Golongan ini secara tidak langsung membantu wartawan agar tidak terlepas dengan kejadian semasa apabila mereka berkongsi dan menyebarkan maklumat dengan pantas melalui media sosial masing-masing. Selain itu, golongan ini juga sebenarnya mencetuskan idea dan informasi tertentu yang membantu wartawan profesional mengupas tentang suatu cerita itu dengan lebih teliti dan baik. Menurut seorang wartawan dari Sinar Harian:

Citizen journalism juga membantu dalam bidang kewartawanan kerana kebanyakkan citizen journalism ni mencetuskan idea ataupun informasi tertentu yang menyebabkan wartawan-wartawan profesional terpaksa dan perlu mencari fakta yang sahih mengenai sesuatu information yang disebarluaskan oleh citizen journalism. Jadi bagi saya ini adalah tindakan yang baik sebab boleh menjana idea kepada wartawan profesional untuk mengupas satu cerita itu dari sudut yang lain (Informan 1, Wartawan).

Walaupun kewartawanan warga ini dilihat memberi sumbangan dan kemudahan kepada wartawan secara tidak langsung, namun, apa yang membezakan di antara wartawan sebenar dan kewartawanan warga ini adalah mereka tidak tahu mengenai etika kewartawanan. Mereka ada kekurangan tersendiri di mana tidak ada latihan khusus dalam bidang kewartawanan. Mereka hanya mahu menjadi yang pertama dan yang terpantas dalam menyebarkan maklumat. Mereka hanya mahu mengejar populariti dan lebih mementingkan *views* atau *like* sahaja dengan menyebarkan bahagian-bahagian yang dirasakan menarik. Menurut seorang wartawan dari Sinar Harian:

Kalau kita sebagai wartawan sebenar, kita ada etika jadi kita tahu terjadi sesuatu kejadian seperti kebakaran ataupun kemalangan, mayat kita tak boleh tunjuk sebab itu adalah benda yang sangat sensitif dan mengaibkan mangsa. Darah ataupun kecederaan lain yang berlaku di lokasi, kita tak boleh ambik gambar tu direct untuk dikeluarkan ataupun disiarkan di mana-mana media sosial. Tapi berbeza pula dengan kewartawanan warga ni. Mereka tak belajar atau tak ada etika kewartawanan jadi mereka upload sahaja content-content yang ada unsur sensitif ni sebab nakkan likes dan views (Informan 8, Wartawan).

Wartawan warga kurang menitikberatkan kesahihan fakta kerana tujuan utama mereka adalah untuk menjadi yang terawal menyampaikan maklumat. Dapatkan ini seajar dengan kajian terdahulu yang menyatakan golongan wartawan warga sering bersaing antara satu sama lain (dan dengan media profesional) dalam melaporkan berita terkini, terutamanya di media sosial (Jalli, 2020). Mereka juga dilihat berpotensi memutarbelitkan maklumat supaya mendapat lebih banyak “engagement”. Hal ini akan menyebabkan kegusaran orang ramai dan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Menurut seorang wartawan dari Bernama TV:

Kelemahan citizen journalism ni adalah apabila sesuatu perkara itu diputarbelitkan yang seterusnya akan menyebabkan percanggahan maklumat dan juga berita palsu. Dan apabila ianya menjadi berita palsu, ia secara tidak langsung akan menimbulkan panik dalam kalangan masyarakat, akan menimbulkan kegusaran kepada orang awam (Informan 3, Wartawan Penyiaran).

Oleh itu, kemunculan ‘kewartawanan warga’ di Malaysia ini mempunyai kebaikan dan kekurangannya. Walaupun wartawan warga memberi sumbangan dalam dunia kewartawanan dengan berkongsi maklumat dan perspektif yang berbeza, golongan ini kurang menekankan etika kewartawanan yang betul yang menyebabkan mereka tidak peka dan

sensitif dengan setiap kandungan yang disebarluaskan. Ini boleh menyebabkan penyebaran berita palsu berleluasa di media.

Penyebaran Berita Palsu

Sebelum ini, dunia kewartawanan berhadapan dengan penyebaran berita palsu yang hebat dengan adanya media sosial. Namun, kini berita palsu bukanlah perkara yang baharu. Apabila teknologi mula mendapat tempat di hati masyarakat, ianya secara tidak langsung menyebabkan mereka bergantung kepada teknologi untuk melakukan pelbagai perkara. Hal ini juga menyebabkan proses pencarian dan perkongsian maklumat juga berubah di mana segalanya hanya di hujung jari sahaja. Namun begitu, perkembangan teknologi ini bukan sahaja memberi kebaikan kepada semua malah ianya turut menyebabkan berita palsu tersebar dengan meluas dengan adanya media sosial. Menurut wartawan dari TV3:

Berita palsu mudah cepat tersebar melalui media sosial ni sebab dia adalah individu yang bergelar wartawan warga ni dia nak jadi yang terawal menyebarkan maklumat tanpa di selidik dahulu adakah ianya benar atau tidak. Apa yang dia tahu nanti dia famous. Itu saja (Informan 5, Wartawan).

Selain itu, ada yang berpendapat bahawa kemunculan wartawan warga menyebabkan penyebaran berita palsu itu menjadi semakin berleluasa. Seperti yang dikatakan tadi, golongan ini tidak terdedah dengan prinsip etika kewartawanan dan tidak ada prinsip integriti laporan berita. Oleh itu, mereka bebas menyebarkan maklumat dan tidak ambil kisah sekiranya berita itu benar atau palsu. Menurut wartawan dari New Straits Times:

Penyebaran berita palsu di kalangan citizen journalism lebih ketara berbanding dengan organisasi media rasmi. Ini terjadi kerana mereka tidak terdedah dengan prinsip asas etika kewartawanan, prinsip integriti laporan berita (Informan 2, Wartawan/Penulis pakar).

Tambahan lagi, ada yang memberi pandangan bahawa kerap terjadinya ‘disinformation’ iaitu maklumat salah yang sengaja dipalsukan bertujuan untuk memperdaya atau mengelirukan pembaca serta ‘misinformation’ iaitu maklumat yang salah atau di luar konteks yang dikemukakan sebagai fakta. Menurut seorang wartawan dari The Malaya Post:

Dengan adanya platform media sosial ini memang sangat mudah untuk berita palsu tersebar. Kalau TikTok dengan cara video pendek yang sudah dipotong bahagian yang betul dan hanya memaparkan bahagian yang dirasakan boleh bagi views tinggi sahaja. Kalau Facebook dengan cara penulisan, olahan berita tu sendiri (Informan 4, Ketua Editor).

Oleh itu, penyebaran berita palsu khususnya di media sosial terjadi apabila ada pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkannya atas kepentingan peribadi atau mempunyai tujuan yang tidak baik. Dapatkan kajian ini sejajar dengan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa wartawan perlu menjalankan proses pengesahan maklumat bagi memenuhi keperluan mematuhi peraturan kewartawanan (Othman, 2023). Oleh itu, penyebaran berita

palsu ini dapat dibendung sekiranya setiap pihak memainkan peranan dalam mematuhi etika kewartawanan yang telah ditetapkan.

Bahagian kedua dapatan kajian menjawab persoalan bagaimanakah wartawan di Malaysia menyesuaikan diri dalam penggunaan teknologi baharu semasa menjalankan tugas,. Dapatan kajian ini akan merujuk kepada tiga faktor iaitu perubahan pemikiran, penguasaan kemahiran digital dan penulisan berkualiti. Isu yang paling ketara adalah perbezaan antara wartawan senior dan junior. Hasil kajian mendapat penyesuaian wartawan terhadap penggunaan teknologi adalah penting terutamanya di kalangan wartawan yang telah lama di dalam industri kewartawanan (wartawan senior). Ini kerana wartawan muda (wartawan junior) lebih senang menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dalam tugas harian mereka.

Perubahan Pemikiran

Pendekatan konvensional yang sering digunakan sebelum ini pada era media tradisional untuk mengajar dan melatih wartawan sudah tidak relevan dan tidak dapat mengikuti perubahan pantas yang berlaku dalam bidang digital. Pada hakikatnya, wartawan lama lebih selesa dengan kaedah lama dan masih dengan pemikiran yang sama. Menurut wartawan dari Sinar Harian dan seorang wartawan dari News Straits Times.

Wartawan lama ni masih terperangkap dengan pemikiran lama macam buat kerja mesti depan PC sahaja, tak ada PC kerja tak jalan jadi diaorang lambat sikit kalau nak kita compare dengan generasi baru ni lah (Informan 5, Wartawan).

Pendapat yang sama juga diutarakan oleh seorang wartawan dari New Straits Times:

Perbezaan yang paling ketara yang saya boleh kongsikan adalah mengenai kecekapan dan penguasaan menggunakan atau mengoptimumkan teknologi baru dalam memudahkan kerja wartawan harian. Sebagai contoh, melibatkan proses editing atau suntingan video asas seperti kita sedia maklum sekarang ini boleh dibuat terus dalam smartphone di mana sahaja kita berada berbanding zaman dahulu di mana kita perlu menggunakan desktop atau laptop (Informan 2, Wartawan/Penulis pakar).

Bagi wartawan baharu pula mereka sudah mahir dalam menggunakan segala bentuk teknologi. Golongan ini dikenali sebagai *tech-savvy* atau *gadget-savvy* di mana gelaran ini diberikan kepada individu yang mempunyai pengetahuan atau kemahiran yang baik dalam penggunaan teknologi baharu. Jelas bahawa terdapat perbezaan dalam penggunaan teknologi baharu antara wartawan lama dan baharu. Kedua-duanya mempunyai kelebihan dan juga kekurangan tersendiri dalam menempuh era teknologi digital dalam tugas harian.

Penguasaan Kemahiran Digital

Dapatan kajian mendapat wartawan senior perlu belajar mengenai ilmu baharu iaitu teknologi seperti media sosial dan *software* yang semakin canggih untuk mengekalkan kredibiliti media dan akhbar. Wartawan senior memerlukan kemahiran untuk mengambil video dan juga gambar menggunakan teknologi terkini seperti telefon pintar serta mengaplikasikan pelbagai kemudahan seperti *Capcut* dan *Shot* dalam proses pembuatan dan

penyuntingan berita. Dengan adanya kemahiran dalam menggunakan aplikasi di telefon pintar juga secara tidak langsung mempercepatkan proses penghasilan berita dan menjimatkan kos di mana wartawan tidak perlu tunggu untuk balik ke bilik berita dan menyerahkan bahan kepada editor untuk proses selanjutnya. Menurut seorang wartawan dari The Malaya Post:

Kalau dari segi editing story tu kita banyak apps. So kita ada macam Capcut, Shot dan macam-macam apps yang mudah, yang boleh cut yang boleh trim dengan fon saja. Bila dah siap edit video tu kita boleh terus hantar kepada editor untuk post ke platform media sosial. So ianya menjimatkan kos dan juga masa sebenarnya (Informan 4, Ketua Editor).

Selain itu, golongan wartawan senior juga perlu menguasai kemahiran menggunakan media sosial supaya berita yang ditulis tidak terhad kepada media cetak sahaja, tetapi turut disebarluaskan di platform media sosial yang mempunyai jangkaun yang lebih besar dan meluas. Menurut wartawan dari Bernama TV:

Untuk wartawan lama ini mereka juga secara tidak langsung perlu mengadaptasi kemajuan Internet dan teknologi. Jika dulu mereka tiada peluang ini tetapi sekarang ini mereka berpeluang dan karya-karya mereka pun dapat di...ermmm orang kata merentasi bukan sahaja pembaca tempatan tetapi juga pembaca antarabangsa. Jadi, sangat rugilah kalau mereka tidak mengambil peluang ini untuk belajar dan menggunakan teknologi yang ada ketika ini (Informan 3, Wartawan Penyiaran).

Penulisan Berkualiti

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wartawan senior mempunyai kekuatan untuk menulis dengan lebih baik dan kandungan berita yang dihasilkan oleh wartawan senior adalah lebih berkualiti. Tetapi wartawan senior kekurangan dari segi tarikan pembaca generasi muda yang lebih suka berita yang mempunyai visual dan audio. Manakala kemahiran menulis berita bagi wartawan baharu pula lebih kearah penulisan di media sosial. Penulisan berita yang dihasilkan oleh wartawan yang baharu di dalam industri adalah lebih pendek dan ringkas bersesuaian dengan kehendak platform media sosial. Golongan ini juga mahir dalam kemahiran berbentuk multimedia yang membolehkan mereka menghasilkan berita yang lebih menarik untuk perhatian generasi muda. Selain itu, mereka boleh menulis berita mengikut platform media sosial yang digunakan seperti TikTok dengan menayangkan video-video pendek yang ringkas tapi menarik dan senang difahami. Hasil kajian mendapati golongan wartawan baharu lebih berkemahiran dari segi teknologi jika dibandingkan dengan golongan wartawan senior. Namun, wartawan junior kurang menumpukan kepada kesahihan berita dan kandungan berita yang dibentuk adalah lemah berbanding wartawan senior. Merujuk kepada wartawan dari The Malaya Post:

Cuma kurangnya dari segi orang baru ni dia tak fokuskan kepada kesahihan berita dan dari segi content tu lebih lemah daripada orang lama, tetapi orang lama pula kurangnya dari segi tarikan story tu. Kalau story tu bagus sekali pun

tapi tak boleh nak deliver dengan berkesan dan tak disampaikan dengan baik kepada audience tak guna juga (Informan 4, Ketua Editor).

Wartawan senior dan wartawan junior dilihat mempunyai kemahiran dalam penulisan berita yang tersendiri. Namun, kedua-duanya perlu merujuk kembali kepada asas kewartawanan iaitu asas penulisan berita dimana penggunaan ‘5Ws 1H’ dititikberatkan. Faktor ini sangat penting kerana ia mencerminkan kualiti seseorang wartawan yang sebenar.

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian yang dilakukan mendapati bahawa wartawan di Malaysia berhadapan beberapa cabaran utama dalam menempuh bidang kewartawanan yang telah beralih dari kewartawanan tradisional kepada kewartawanan digital. Antara cabaran yang dihadapi adalah kemunculan wartawan warga. Ia menjadi satu cabaran buat wartawan profesional kerana mereka perlu bersaing untuk menjadi lebih baik dan juga menyampaikan maklumat dengan cepat dan berkesan. Namun begitu, golongan wartawan warga ini dilihat turut mempunyai kebaikan dengan menyumbangkan maklumat dan menyebarkan maklumat tersebut sekali gus membantu wartawan profesional untuk mendapatkan idea untuk memperluaskan serta memperbaiki liputan berita mereka.

Wartawan juga berhadapan dengan penyebaran berita palsu akibat adanya wartawan warga ini. Hal ini kerana, meskipun mereka mampu menyebarkan maklumat kepada masyarakat dengan cepat namun tidak semua maklumat yang disampaikan adalah benar dan sahih. Berita palsu lebih mudah tersebar dengan ada platform media sosial. Hal ini berikutan golongan wartawan warga yang boleh menggunakan platform media sosial sendiri untuk menyebarkan maklumat. Bukan itu sahaja, maklumat yang diperoleh oleh wartawan warga selalunya tidak melalui proses semakan terlebih dahulu dan ini menyebabkan berita palsu boleh tersebar. Dapatan kajian ini sejajar dengan yang terdahulu yang menyatakan walaupun kewartawanan warga dapat memberikan pandangan alternatif tentang peristiwa yang berlaku, wartawan professional juga berpendapat bahawa cabaran disebalik hasil laporan wartawan warga adalah kandungan berita yang berkualiti rendah (Jalli, 2020).

Dapat disimpulkan di sini bahawa cabaran utama yang dihadapi wartawan akibat percambahan teknologi baharu adalah kewujudan wartawan warga yang kurang menekankan kualiti dan etika pemberitaan. Kewujudan wartawan warga juga bersaling kait dengan penyebaran berita palsu akibat kurangnya pengesahan maklumat oleh golongan ini sekaligus mengakibatkan penyebaran berita palsu yang dibantu oleh kemudahan yang ada pada media sosial. Dapatan kajian juga menunjukkan pentingnya etika dan kualiti di dalam organisasi berita. Nilai etika yang tinggi serta pentingnya menerapan kualiti pemberitaan lebih ditekankan oleh golongan senior dan perlu diterapkan di kalangan wartawan yang baru di dalam industri. Cabaran yang telah digariskan akan terus mencabar wartawan di Malaysia. Oleh itu, keperluan untuk memastikan berita berkualiti dihasilkan adalah penting untuk meyakinkan penonton terhadap sesebuah organisasi berita itu untuk menjadi sumber yang dipercayai ramai.

Pengadaptasian sebarang inovasi oleh seseorang wartawan juga bermaksud perubahan kepada budaya professional yang diamalkan setiap hari. Di dalam teori DOI, Rogers (2003) telah mengenalpasti kategori penerima inovasi yang berbeza. Jelas dari kajian ini bahawa golongan wartawan senior terdiri dari samada kategori kumpulan yang dinamakan Majoriti Lewat (*late majority*) ataupun kumpulan Pemundur (*laggards*) yang hanya mengadaptasi sesuatu inovasi samada selepas inovasi itu diadaptasi oleh kebanyakan orang

ataupun golongan yang paling susah mengadaptasi sesuatu teknologi yang hanya berubah setelah mendapat tekanan pihak lain. Selain itu, keinginan dan kemudahan untuk mengadaptasi teknologi baharu yang dipamerkan oleh golongan wartawan junior menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi sesuatu inovasi oleh Rogers (2003) boleh digunakan dalam kajian ini. Faktor Faedah Bandingan (*relative advantage*) iaitu tahap di mana sesuatu inovasi dilihat lebih baik daripada idea, program atau produk yang digantikannya serta faktor Keserasian (*compatability*) iaitu sejauh mana inovasi itu konsisten dengan nilai, pengalaman dan keperluan bakal pengguna disaksikan oleh golongan wartawan yang lebih baru di dalam kajian ini. Golongan ini lebih mahir dalam mengadaptasikan media sosial serta teknologi yang berkaitan pembuatan dan suntingan berita kerana berpendapat bahawa teknologi ini baik untuk tugas-tugas harian mereka. Mereka juga yakin akan keperluan yang ada di dalam teknologi ini bagi menghasilkan berita yang lebih menarik dan berkesan kepada penerima berita. Dapatkan kajian ini sejajar dengan terdahulu yang menyatakan bahawa ketidaksamarataan penyerapan berlaku di dalam proses difusi (Basri, 2001) dimana difusi berlaku dikalangan orang yang berkongsi ciri-ciri tertentu.

Pengubahsuaian amalan kewartawanan wajib dilaksanakan oleh organisasi berita agar kekal relevan dalam persekitaran media kontemporari (Ahmad, 2017). Namun, penyesuaian kepada penggunaan teknologi baharu di sesebuah organisasi berita bukan hanya tertumpu kepada sesebuah golongan wartawan sahaja. Teknologi yang melanda dunia kewartawanan kini, akan terus berubah. Oleh itu, semua wartawan yang baru atau lama perlu bertindak selari dengan keperluan massa yang diperlukan di era digitalisasi ini dengan berkongsi kemahiran masing-masing agar berita yang dihasilkan berkualiti dan beretika. Hanya melalui pelaporan beretika, seseorang wartawan dan sesebuah organisasi berita boleh mengekalkan kewujudannya di dalam industri kewartawanan tidak kira apa juar cabaran teknologi yang melanda pada masa hadapan.

BIODATA

Nor Athira Najwa sedang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam Teknologi Media dalam jurusan kewartawanan di Universiti Utara Malaysia. Email: athiranornajwa@gmail.com

Normahfuzah Ahmad, PhD, ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia. Beliau pakar dalam bidang kewartawanan dan kajian media, fokus dalam pembangunan kewartawanan, nilai berita, pembingkaihan berita dan naratif media. Email: normahfuzah@uum.edu.my

RUJUKAN

- Ahmad, N. (2017). The decline of conventional news media and challenges of immersing in new technology. *ESharp*, 1(25), 71–82.
- Bahiyah Omar. (2017). Online news production, consumption and immediacy: The remediation perspective. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(3), 250–266. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2017-3303-15>
- Bock, M. A., Richardson, R. J., Assaf, C. T., & Tsyrenzhapova, D. (2023). Improvisation, economy, and MTV moves: Online news and video production style. *Electronic News*, 17(3), 146-163. <https://doi.org/10.1177/19312431231157104>
- Dixon, S. J. (2022, July 28). Facebook: Number of monthly active users worldwide 2008–2022. *Statista*. <https://www.statista.com/statistics/264810/number-of-monthly-active-facebook-users-worldwide/>
- Fuziah Kartini Hassan Basri. (2001). Proses difusi dan teknologi maklumat dan komunikasi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 17, 21–42.
- Maryville University. (2021, March 15). The rise of digital journalism: Past, present, and future. <https://online.maryville.edu/blog/digital-journalism/>
- Massila Hamzah, & Ima Liana Esa. (2020). Uncovering the factors influencing the technological adaptation of Twitter usage among journalists in the transforming journalism practice. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 1–15. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3604-01>
- Miller, S. (2019). *Citizen journalism*. Oxford Research Encyclopedia of Communication. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190228613.013.786>
- Milkessa, B. (2019). *The perceived impact of social media on mainstream journalism practices: The case of Ethiopian Broadcasting Corporation (EBC) and Fana Broadcasting Corporate*. Addis Ababa University. <https://etd.aau.edu.et/items/8899aea9-fdbf-4728-9076-628301daa15e>
- Mortensen, T., Jones, J., & Keshelashvili, A. (2015). Dear citizen photojournalists: Who are you? Studying the motivations and values of citizen photojournalists. *Photographies*, 8(2).
- Musa, A. I., Gbaje, E., & Monsurat, M. F. (2015). Perceived attributes of Diffusion of Innovation Theory as a theoretical framework for understanding the non-use of digital library services. *Journal of Information & Knowledge Management*, 5(9), 82-87.
- Narwal, B. (2018). *Fake news in digital media*. Paper presented at the 2018 International Conference on Advances in Computing, Communication Control and Networking (ICACCCN), pp. 977-981. <https://doi.org/10.1109/icacccn.2018.8748586>
- Noor, R. (2016). Citizen journalism vs. mainstream journalism: A study on challenges posed by amateurs. *Athens Journal of Mass Media and Communications*, 3(1), 55–76. <https://doi.org/10.30958/ajmmc.3.1.4>
- Nuurrianti Jalli. (2020). Exploring the influence of citizen journalism content on the Malaysian political landscape. *Kajian Malaysia*, 38(1), 67–88. <https://doi.org/gp2zgd>
- Pantic, M., & Cvetkovic, I. (2020). Journalism practice in a digital age: Utilization of social media in online news. *American Communication Journal*, 22(2).
- Pereira, F. H. (2019): ‘Old journalists’ in a ‘new media’ environment? A study on the career choices of digital journalists, *The Journal of International Communication*, 26(1), 36–58. <https://doi.org/10.1080/13216597.2019.1677261>
- Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of innovations* (5th ed.). Free Press.

- Siti Suriani Othman. (2023). Kandungan yang dihasilkan pengguna di bilik berita Malaysia: Prospek dan cabaran. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 259–278. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-15>
- Stanislavivna, Z. S. (2019). The role of digital media in a diffusion of innovations: Methodological remarks. *European Journal of Humanities and Social Sciences*, 2, 7–10.
- Tandoc, E. C., & Maitra, J. (2017). News organizations' use of native videos on Facebook Tweaking the journalistic field one algorithm change at a time. *New Media & Society*, 20(5), 1679-1696. <https://doi.org/10.1177/1461444817702398>
- Tandoc, E. C., Lim, Z. W., & Ling, R. (2017). Defining “fake news.” *Digital Journalism*, 6(2), 137–153. <https://doi.org/10.1080/21670811.2017.1360143>
- Waldrop, M. M. (2017). The genuine problem of fake news. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 114(48), 12631–12634. <https://doi.org/gcw8wb>
- Wardle, C. (2017, February 17). Fake news. it's complicated. *Medium*. <https://medium.com/1st-draft/fake-news-its-complicated-d0f773766c79>
- West, D. M. (2022, March 9). How to combat fake news and disinformation. *Brookings*. <https://www.brookings.edu/articles/how-to-combat-fake-news-and-disinformation/>
- Wong, O. (2019, February 12). Journalism then vs. now. *Medium*. <https://medium.com/journalism-and-society/journalism-then-vs-now-1add6bb3735f>
- Wu, Y. (2018). How age affects journalists' adoption of social media as an innovation. *Journalism Practice*, 13(5), 537-557. <https://doi.org/gf4w79>
- Vaismoradi, M., Jones, J., Turunen, H., & Snelgrove, S. (2016). Theme development in qualitative content analysis and thematic analysis. *Journal of Nursing Education and Practice*, 6(5), 100-110. <https://doi.org/10.5430/jnep.v6n5p100>